

Kehebatan pendakwah silam dalam memperjuangkan agama Islam semasa zaman penjajahan di Tanah Melayu

[The greatness of past Islamic preachers in fighting for Islam during the colonial period in Tanah Melayu]

Aisyah Ab Rahim*, Ahmad Sabri Osman, & Fairuzah Basri

Academy of Contemporary Islamic Study, University Teknologi Mara, Shah Alam, Selangor, Malaysia.

* Corresponding Author: Aisyah Ab Rahim. Department, Academy of Contemporary Islamic Study, Universiti Teknologi Mara, 40450, Shah Alam, Selangor, Malaysia. e-Mail: Isya.arahim@gmail.com. Telp.: +6016-5355842.

Keywords:

Greatness; Islamic Preachers; Struggle; Islam; Colonization

ABSTRACT

The work of da'wah is a very noble task. Da'wah is the act of inviting and leading mankind towards goodness and abandoning evil. The work of da'wah requires a very high sacrifice level because of the various challenges and obstacles faced by the preachers in conveying the call of Islam to the community. Thus, the question raised and discussed in this paper is how the preachers of the past were able to defend Islam in Tanah Melayu from the threat during the colonial era. The objective of this study is to highlight the roles and achievements of the preachers, the challenges faced and their values and morals in fighting for Islam in Tanah Melayu. The data of the study was obtained from documents and historical information found in relevant books and previous articles. The results of this study concluded that the Islamic preachers of the past were a group of people who were not only very obedient to the teachings of Islam and very firm in defending the religion, but they were also individuals with noble values. as well as superior morals. These individuals not only fought via words and writings, but also with courage and strength to take up arms to oppose the colonialists in defending the sanctity of Islam.

Kata Kunci:

Kehebatan; Pendakwah; Perjuangan; Islam; Penjajahan

ABSTRAK

Kerja-kerja dakwah merupakan satu tugas yang sangat mulia. Dakwah bermaksud mengajak dan membawa umat manusia ke arah kebaikan serta meninggalkan keburukan. Kerja dakwah memerlukan pengorbanan yang sangat tinggi. Ini kerana para pendakwah akan menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan dalam menyampaikan seruan Islam kepada masyarakat. Justeru, persoalan yang akan dibincangkan adalah sejauhmana para pendakwah silam mampu mempertahankan agama Islam dari ancaman ketika zaman penjajahan di Tanah Melayu. Objektif kajian ini adalah untuk menghuraikan kehebatan para pendakwah silam, cabaran-cabaran yang ditempuh dan nilai serta akhlak yang ada pada diri para pendakwah dalam memperjuangkan agama Islam di Tanah Melayu. Kajian akan menggunakan data dari dokumen bertulis dan sejarah, seperti buku dan artikel-artikel terdahulu. Hasil kajian ini mendapati bahawa para pendakwah silam merupakan golongan yang bukan sahaja patuh dan taat kepada ajaran agama Islam dan

sangat tegas dalam mempertahankan agama, tetapi juga individu yang menampilkan nilai murni serta akhlak yang unggul. Mereka bukan hanya berjuang secara lisan dan tulisan mata pena, tetapi juga dengan keberanian dan kekuatan mengangkat senjata untuk menentang penjajah demi mempertahankan kesucian agama Islam.

Received: April 17, 2021

Accepted: June 15, 2021

Online Published: June 30, 2021

1. Pendahuluan

Alam Melayu ataupun Nusantara adalah merujuk kepada kawasan yang meliputi kepulauan-kepulauan Asia Tenggara dan Semenanjung Tanah Melayu (Hussin, 2020). Pada hari ini, agama Islam adalah agama utama masyarakat Melayu. Di Malaysia, pengislaman adalah faktor utama berlakunya transformasi dalam pemikiran dan amalan masyarakat Melayu. Transformasi ini merangkumi keseluruhan aspek kehidupan sejak dari awal ketibaan Islam di Tanah Melayu hingga selepas Malaysia mencapai kemerdekaan (Badhrulhisham & Isa, 2017). Semua ini adalah hasil dari peranan aktif para ulama dan pendakwah melalui bukti-bukti yang ditinggalkan oleh sejarah.

Menurut Sejarah Melayu, proses Islamisasi Nusantara berlaku seawal perkembangan Melaka sebagai sebuah empayar yang teguh dan stabil selepas Parameswara memeluk Islam. Pengislaman beliau berlaku pada awal abad ke-13M melalui seorang ulama dari Jeddah bernama Sayyid Abdul Aziz. Kesan pengislaman ini membuka ruang berlakunya jaringan diplomatik dengan Kesultanan Pasai (Perlak) melalui perkahwinan puteri Raja Pasai bernama Ratna Kaulama. Parameswara berjaya meletakkan asas kemajuan negeri Melaka sebagai pusat perdagangan dan pusat penyebaran Islam di Nusantara. Proses Islamisasi Melaka menjadi permulaan perkembangan agama Islam secara besar-besaran di seluruh rantau Asia Tenggara (Che Pa, 2012). Sejarah membuktikan kepentingan peranan para ulama dan pendakwah dalam perkembangan Islam merentasi benua dan budaya sejak dahulu. Pendakwah bukan sahaja perlu mempunyai ilmu pengetahuan, terutamanya ilmu agama yang tinggi, tetapi juga mestilah memiliki akhlak dan keperibadian yang mulia serta beramal dengan ilmu yang dimiliki, untuk mencerminkan nilai agama Islam yang sebenar, terutamanya ketika berhubung dengan masyarakat. Strategi dan perancangan teliti juga merupakan elemen penting dalam usaha para ulama untuk membimbing umat agar istiqamah dengan ajaran agama Islam dan tidak mudah dikalahkan oleh hasutan musuh-musuh agama ini (Abd. Majid, 2016).

2. Peranan pendakwah dalam kalangan masyarakat Melayu

Para ulama dan pendakwah silam sering menggunakan kaedah hijrah dari tempat asal untuk mendalami ilmu agama dan pengetahuan, dan juga berkelana hingga merentasi benua untuk menyampaikan ilmu tersebut kepada masyarakat. Dalam usaha penyebaran ilmu dan dakwah, para ulama dan pendakwah menghadapi pelbagai cabaran, bukan sahaja mengalami penentangan dari masyarakat yang tidak mahu menerima perubahan dan kebaikan yang diperkenalkan, malah juga mengalami kesempitan dan kesukaran hidup sepanjang misi dakwah (Mohd Noor, 2011).

Peranan dan sumbangan para pendakwah terdahulu kepada masyarakat di Tanah Melayu bukan sahaja dari segi seruan dakwah dalam bentuk lisan dan penulisan sahaja, tetapi mereka juga merupakan golongan pendidik terawal yang memperkenalkan sistem pendidikan secara terbuka. Sistem pendidikan ini bermatlamat melahirkan masyarakat berpengetahuan dan berakhlak tinggi, khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu Islam, tanpa mengira latar belakang. Sistem pendidikan ini diadakan di pelbagai institusi pendidikan, terutamanya di kediaman guru tersebut, surau, masjid ataupun sekolah yang dikenali sebagai persekolahan pondok (Ab Rahim & Nor, 2020a).

Sekolah pondok di Tanah Melayu menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar, manakala bahasa Arab digunakan dalam peringkat tinggi (Yegar, 2002). Hampir kesemua kitab-kitab yang digunakan dalam sesi pembelajaran sekolah adalah karya para ulama mazhab Syafi'i (Haji Awang, 1996) kerana Tanah Melayu menerima ajaran Islam melalui kefahaman Mazhab Syafi'i yang dibawa oleh pendakwah ketika itu. Pada dasarnya, pendidikan secara sekolah pondok telah memberi sumbangan besar dalam perkembangan agama, ilmu dan pemeliharaan adat yang bersesuaian dengan agama. Dalam proses pembelajaran, para pendakwah dan pelajar sekolah pondok menggunakan kitab Jawi tulisan tangan atau yang dikenali juga dengan manuskrip

Melayu dan kitab Arab. Pengenalan tulisan Jawi ini berjaya mengurangkan kadar buta huruf dalam kalangan masyarakat Melayu. Dianggarkan terdapat kira-kira 16,000 naskhah manuskrip Melayu tulisan Jawi berada dalam simpanan perpustakaan dan muzium Asia dan Eropah pada masa ini (Juhari, 2008).

Selain itu, terdapat juga para pendakwah yang dilantik memegang beberapa jawatan penting dalam masyarakat, seperti kadi, imam, amil yang menguruskan zakat, bilal, siak dan sebagainya. Mereka diberikan kepercayaan oleh masyarakat untuk menyandang tugas ini disebabkan oleh kemuliaan akhlak, personaliti dan ilmu yang dimiliki, serta sikap bertanggungjawab yang ditunjukkan, seperti amanah dan ikhlas, malah tidak menerima bayaran, mahupun sebarang balasan imbuhan. Mereka juga bijak dalam menyesuaikan diri dalam masyarakat (Ab Rahim & Nor, 2020b). Sehubungan ini, peranan pendakwah dalam masyarakat Melayu akan diteliti dari beberapa negeri berikut

3. Kelantan

Kelantan adalah sebuah negeri di Tanah Melayu yang banyak mencatat aktiviti dakwah. Namun, semasa penjajahan, aktiviti dakwah agak terganggu. Berikutan campur tangan oleh pihak British dalam Perjanjian Bangkok 1909, teretus perjuangan menentang penjajahan di Kelantan yang diketuai oleh Haji Mat Hassan bin Panglima Mat Munas atau lebih dikenali sebagai Tok Janggut. Selain terkenal dalam sejarah sebagai seorang pahlawan, masyarakat Kelantan turut mengakui ketokohan Tok Janggut sebagai ulama dan pendakwah yang mendalami ilmu agama di pondok sebelum ke Mekah (Hamdan Aziz, 2016). Rasa tidak puas hati rakyat Kelantan terhadap cukai yang diperkenalkan oleh dasar British serta kebangkitan semangat jihad Islam antarabangsa atas kejatuhan pemerintahan Khalifah Islam terakhir, iaitu Empayar Uthmaniah di Turki kepada campur tangan British adalah faktor utama menyemaraknya perjuangan menentang penjajahan. Tok Janggut telah terkorban dalam pertempuran dengan pihak British di Pasir Puteh, Kelantan pada 24 Mei 1915 (Aladin & Azrina, 2019).

Berbeza dengan tokoh lain yang berjuang menentang penjajahan di kawasan setempat, tokoh pendakwah yang berasal dari Kelantan, iaitu Haji Muhammad Yusof bin Ahmad atau Tok Kenali berjuang menentang penjajahan dari skala yang lebih besar, iaitu melalui penulisan. Penulisan beliau terbukti berjaya membakar semangat jihad dan nasionalisme demi mempertahankan negara dan agama Islam seperti dalam majalah, antaranya *Pengasuh* dan *al-Hikmah* (Aladin & Azrina, 2019). *Pengasuh* yang diterbitkan oleh Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) pada tahun 1918 adalah majalah tertua dan paling lama diterbitkan di Malaysia. Melalui penerbitan *Pengasuh*, MAIK menjadikan majalah tersebut sebagai medium untuk mengumpul dan bekerjasama dengan golongan istana, pembesar, ulama dan cendekiawan untuk menyebarkan ajaran dan teguran agama, pendidikan serta meniuip semangat nasionalisme dalam masyarakat. Melalui penulisannya, Tok Kenali banyak memberi teguran dan nasihat agar Islam menjadi teras kepada jati diri masyarakat Melayu. Dalam usaha menyemarakkan semangat cintakan tanah air, Tok Kenali juga sentiasa menyeru agar kekuatan bangsa Melayu terus diperkukuh, contohnya seperti menggalakkan kerjasama dan gabungan antara golongan hartawan dengan golongan ilmuwan Islam supaya dapat membina kembali tamadun Melayu-Islam (Ahmad Faisal, 2013).

4. Terengganu

Terengganu, sebuah negeri yang berjiran dengan Kelantan, turut mempunyai sejarah dakwah Islam era penjajahan. Di Terengganu, telah berlaku protes terhadap campur tangan Penasihat British dalam sistem pentadbiran Terengganu yang memperkenalkan undang-undang tanah di kawasan Hulu Terengganu dan pelbagai jenis cukai yang dilihat menindas rakyat tempatan (Mohd Ali, 2018). Penentangan penjajahan ini diketuai oleh seorang pendakwah tempatan dari Kuala Berang bernama Haji Abdul Rahman Limbong. Gelaran "Limbong" diberikan kepada Haji Abdul Rahman Limbong bin Haji Abdul Hamid bin Abdul Kadir ketika beliau menjadi guru di Kampung Limbong, Kemaman, Terengganu (Aladin & Azrina, 2019). Seperti perjuangan di Kelantan, kejatuhan Empayar Islam Uthmaniyah di Turki kepada kerajaan sekular pimpinan Mustafa Kamal Attarturk yang ditaja oleh British juga adalah antara sebab para pendakwah Islam di Tanah Melayu turut bangkit menentang British (Mohd Roslan, Mohamad Fauzi & Noorzahidah, 2011).

Ulama dan pendakwah, seperti Haji Abdul Rahman Limbong dan Haji Musa Minangkabau juga tegas dalam pendapat mengatakan bahawa kepatuhan terhadap perundangan British adalah tergolong dalam masalah 'tashabbuh' di mana umat Islam dilarang mengikut amalan penganut agama lain atau orang kafir. Ini menimbulkan kesukaran kepada pentadbiran British dalam kalangan masyarakat Terengganu (Mat Resad, 2020). Bersama-sama para pendakwah Islam tempatan lain, seperti Syed Saqqaf bin Tok Ku Paloh, Haji Musa bin

Abdul Ghani Minangkabau, Imam Taib Ahmad Pasi Nering, Lebai Abdul Rahman, Tok Janggut dan Lebai Hassan Kuala Menjing, mereka telah melakukan beberapa siri penentangan dan pemberontakan antara tahun 1922 hingga 1925 M dan kemudian mencapai kemuncak pada tahun 1928 M. Perjuangan Haji Abdul Rahman Limbong bagaimanapun gagal dan beliau dibuang negeri ke Mekah (Mohd Roslan et al., 2011).

Selain perjuangan mengangkat senjata, terdapat juga para pendakwah yang turut menyumbang kepada penentangan penjajahan melalui cara lain. Contohnya, Haji Abas Muhammad atau Tok Guru Haji Abas, pendakwah tempatan yang mengembangkan ajaran Ahli Sunnah wal-Jamaah di masjid dan pondok-pondok Terengganu. Beliau berperanan memberikan perlindungan kepada para pejuang yang dihukum buang negeri oleh British ke Burma (Aladin & Azrina, 2019).

5. Pahang

Pahang terkenal dengan laluan penting sepanjang Sungai Pahang. Justeru kepentingan laluan ini, pihak British turut cuba meluaskan kuasa mereka di Pahang. Beberapa siri campur tangan telah dilakukan oleh British, seperti usaha Frank Swettenham yang mewakili Gabenor Smith pada tahun 1885 M dan Gabenor Fred A. Weld pada tahun 1886 M, tetapi usaha mereka menemui kegagalan sehinggalah pada tahun 1887 M, dengan adanya campur tangan dari Kerajaan Johor, Hugh Clifford telah berjaya memaksa Sultan Ahmad menandatangani perjanjian dengan British (Rahimin Affandi, Muhammad Ikhlas & Nor Adina, 2017). Oleh sebab Sultan dan para pembesar Pahang tidak berpuas hati, telah berlaku siri-siri penentangan terhadap British, seperti Perang Bahaman antara tahun 1891 M yang menjadi titik mula kebangkitan nasionalisme Melayu di Pahang dan telah menyebabkan pihak Inggeris menanggung hutang dan kerugian besar (Aladin & Azrina, 2019).

Tragedi Jeram Ampai di Pahang pada 14 Jun 1894 M merupakan salah satu peristiwa kebangkitan jihad politik Islam yang melibatkan gabungan pelbagai pihak. Gabungan ini terdiri daripada para pejuang, pendakwah, sultan dan rakyat dari Terengganu, Kelantan dan Pahang. Agama Islam memainkan peranan besar dalam perjuangan ini. Melalui peranan Tok Ku Paloh; Sheikhul Islam Terengganu dan Tok Montok; Mufti Pahang, gabungan ini mendapat sokongan daripada tokoh-tokoh agama tempatan, seperti imam, khatib, bilal, guru agama dan lebai dalam perjuangan ini. Walaupun tragedi Jeram Ampai gagal memerdekakan Pahang, tetapi ia menjadi salah satu bukti kebangkitan jihad agama Islam dalam kalangan bangsa Melayu ke atas penjajahan luar (Mohd Fadhi, 2020).

6. Perak

Penentangan penjajahan di Perak yang terkenal dicetuskan oleh Dato Maharaja Lela Pandak Lam. Perjuangan bagi membela ketuanan Melayu dan menentang pencabulan adat resam dan pencabulan hak istimewa pembesar Melayu, seperti mengutip cukai dan pengenalan cukai baru oleh British telah membawa kepada Peristiwa pembunuhan James Wheller Woodfird Birch, Residen British di Perak. Dato Maharaja Lela didakwa dan dijatuhkan hukuman mati pada 20 Januari 1877 M (Aladin & Azrina, 2019).

Ustaz Abu Bakar al-Baqir merupakan juga tokoh pendakwah dan pejuang kemerdekaan di Perak yang berjuang menentang penjajahan British antara tahun 1934 M sehingga 1957 M. Beliau mempunyai hubungan akrab dengan pemimpin Parti Kebangsaan Melayu Muda (PKMM), iaitu Dr. Burhanuddin al-Helmy sehingga sekolah pondok yang ditubuhkannya iaitu Maahad al-Ehya al-Syariff pernah dijadikan markas politik bagi perjuangan menentang British. Di bawah pimpinan Ustaz Abu Bakar al-Baqir jugalah tertubuhnya Parti Hizbul Muslimin. Sumbangan paling bermakna Ustaz Abu Bakar al-Baqir ialah apabila berjaya memupuk semangat nasionalisme para pelajarnya melalui sistem pendidikan Maahad al-Ehya al-Syariff yang menggalakkan pelajar-pelajarnya terlibat dalam aktiviti seperti syarahan, perbahasan, penulisan dan kegiatan dengan masyarakat. Pendedahan para pelajar terhadap kesusahan hidup masyarakat dan pergolakan negara telah menimbulkan kesedaran dan semangat juang. Ustaz Abu Bakar juga menerbitkan Suara Am dan majalah al-Ihya yang mengkritik kelemahan pemerintah Melayu, golongan istana, pembesar negeri dan juga ulama-ulama tua ketika itu secara terbuka kerana tidak berusaha menjaga kebajikan rakyat dan memajukan umat Islam (Hamimi & Zamri, 2018).

7. Melaka

Berdasarkan kajian daripada Khoo Kay Kim, pihak British dilihat sememangnya berniat untuk mengekang orang Melayu supaya tidak muncul gerakan perjuangan kemerdekaan daripada kalangan rakyat (Aisyah, 2020). Ini membawa kepada pengenalan sistem persekolahan sekular oleh pihak British yang bukan sahaja membawa

kepada kemerosotan sistem pengajian pondok, tetapi juga untuk mengawal rakyat di Tanah Melayu agar kekal dalam sistem pasif yang diinginkan oleh British. Bagi mengekang pengaruh sekularisme yang dibawa oleh penjajah British dan memelihara keutuhan ilmu agama Islam, pendakwah-pendakwah, seperti Mualim Haji Wahid berusaha mengekalkan tradisi pengajian pondok tradisional dengan menubuhkan Madrasah an-Nuriah dan Pondok Baitul-Qurra' (Budin & Omar, 2018). Ia telah berjaya melahirkan para ulama dan cendekiawan dalam pelbagai cabang ilmu dan meningkatkan daya saing serta semangat nasionalisme dalam perjuangan mencapai kemerdekaan.

8. Pulau Pinang

Perjuangan menuntut kemerdekaan di Pulau Pinang rata-ratanya diperjuangkan oleh golongan berpendidikan agama Islam, terutamanya di Seberang Perai, Pulau Pinang yang terkenal dengan institusi pengajian pondok (Muhd. Tahir, 1978). Tuan Guru Sheikh Abdullah bin Ibrahim atau Sheikh Haji Abdullah Fahim bukan sahaja dikenali sebagai seorang pendidik dan pendakwah yang berjasa besar dalam kemajuan Islam di Pulau Pinang, tetapi juga atas sumbangan dan peranan beliau dalam bidang politik memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Selain pernah menganggotai Lembaga Masjid al-Haram antara tahun 1378 M hingga 1385 M, beliau juga pernah berkhidmat sebagai guru Ilmu Falak, Usuluddin, Tafsir al-Qur'an dan Hadis di Masjid al-Haram, Mekah (Moktar, 1997).

Sheikh Haji Abdullah Fahim telah mengasaskan Dairat al-Ma'arif al-Wataniyyah di Kepala Batas, Pulau Pinang; sekolah agama yang mengikut sistem pendidikan moden (Shuib, 1991). Haji Abdullah Fahim yang berjiwa patriotik berpendapat masyarakat Melayu hanya akan berjaya mencapai kemajuan sekiranya berjiwa merdeka. Oleh itu, beliau berhasrat melahirkan generasi tempatan yang berpendidikan dan mempunyai pengetahuan tentang ilmu Islam yang benar supaya dapat memperbaiki kehidupan mereka dari aspek sosio-ekonomi (Fadhullah, 2003).

Tragidi pada tahun 1931 M menyerlahkan kewibawaan Haji Abdullah Fahim. Sejarah mencatatkan, ketika Haji Abdullah dijemput menjadi mudir dan mengajar di Madrasah Idrisiyyah, Bukit Candan, Kuala Kangsar, Perak oleh Sultan Idris I, beliau telah difitnah oleh Residen Inggeris ketika itu atas tuduhan memusuhi pihak British dan cuba menggulingkan Sultan dan raja-raja Melayu. Akibatnya, beliau telah diusir keluar dari negeri Perak oleh Sultan Alang Iskandar, walaupun Sultan Alang kemudiannya menyesal dan memohon maaf kerana termakan hasutan pihak Inggeris (Fadhullah, 2003).

Haji Abdullah juga pernah menjadi pengerusi Bahagian Agama Persatuan Melayu Seberang Perai (PMSP) pada tahun 1946 M, di mana beliau turut terlibat dalam gerakan menentang Malayan Union. Beliau kemudiannya menyertai parti politik Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) (Muhd. Tahir, 1978). Ketika Malaysia dalam proses mencapai kemerdekaan, Sheikh Haji Abdullah Fahim turut memainkan peranan melalui dua cadangan penting. Beliau mencadangkan agar delegasi kemerdekaan di bawah Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, pergi ke London melalui jalan laut, bukan udara agar mempunyai lebih masa untuk berbincang dengan lebih lanjut mengenai strategi mereka. Kedua, berdasarkan kepakaran beliau sebagai ahli ilmu falak, beliau juga mencadangkan 31 Ogos 1957 sebagai tarikh kemerdekaan untuk Malaysia (Sohana, 2019).

9. Selangor

Berbanding dengan negeri-negeri lain, kajian mengenai tokoh pendakwah dan ulama di Selangor amat berkurangan, terutama sekali mengenai peranan mereka ketika zaman penjajahan dan pasca kemerdekaan. Antara tokoh yang dikenal pasti ialah Kiyai Haji Muhammad Dahlan bin Hassan Minhaj, seorang ulama dan pendakwah, serta Kadi pertama di Klang, Selangor (Ahmad Shukri, 2008). Beliau menjawat jawatan tersebut selepas dua tahun jawatan Kadi di daerah-daerah Selangor diperkenalkan pada tahun 1922 M (Jabatan Kehakiman Syariah Selangor, 2019). Beliau pernah didatangi seorang paderi Perancis untuk berdebat mengenai kebenaran antara agama Islam dan agama Kristian, yang merupakan antara misi penyebaran gerakan Kristianisasi oleh pihak penjajah. Atas ketinggian ilmu agama yang ada padanya, Kiyai Haji Muhammad Dahlan berjaya dalam perdebatan tersebut. Beliau berjaya mempertahankan keutuhan dan kesucian agama Islam serta mematahkan usaha Kristianisasi penjajah. Kekalahan paderi Perancis dalam perdebatan ini membawa kepada pengunduran paderi Perancis balik ke negaranya (Ahmad Shukri, 2008).

Ketika zaman penjajahan ini juga, penundukan kuasa penjajah yang mencabul kedaulatan agama, bangsa dan negara ditentang oleh ramai tokoh-tokoh tasawuf. Penentangan terbuka yang dilakukan oleh mereka menyebabkan ada yang dipenjarakan dan diseksa, malah dihukum mati oleh pihak penjajah. Syekh Muhammad

Nor al-Khalidi adalah antara tokoh yang berjasa besar dalam penyebaran tasawuf di Nusantara secara umum dan Selangor khususnya. Beliau merupakan khalifah ke-35 kumpulan tariqat Naqsyabandiyah dan seorang pemimpin kumpulan ini antara tahun 1894 hingga 1919. Ahli Jemaah beliau berada di Sungai Cincin, Gombak, Selangor. Beliau menubuhkan Madrasah Tarbiyyah wa Ta'lim sebagai usaha mempraktikkan Islam dalam segala aspek kehidupan. Ketika zamannya, usaha itu merupakan satu sumbangan besar memandangkan sistem pendidikan ketika itu masih belum sistematik. Di samping itu, pemikiran tasawuf adalah satu bidang yang penting bagi mengimbangi perubahan-perubahan yang dibawa masuk oleh pihak penjajah atas nama kemajuan (Mohd Faisal & Sapie, 2011).

10. Reaksi dan tindakan penjajah terhadap perjuangan pendakwah

Pihak penjajah seperti British mamahami tentang pengaruh gerakan jihad Islamiah dalam perjuangan kemerdekaan dan menentang penjajahan. Peranan dan pengaruh besar pendakwah Islam dalam kalangan masyarakat Nusantara dilihat sebagai satu ancaman besar kepada penjajah baik British di Tanah Melayu, mahupun Belanda di Indonesia. Para pendakwah, terutamanya para ulama bukan sahaja menjadi rujukan masyarakat, malah mereka juga mempunyai kedudukan yang rapat dengan istana, kerana berperanan sebagai penasihat Sultan dalam hal ehwal berkaitan agama, pentadbiran dan politik. Sebuah laporan 'De Atjeher' yang ditulis oleh Snouck Hurgronje menyebut; bagi mematahkan gerakan kemerdekaan, golongan ulama perlu diasingkan daripada rakyat (Amin, 2016). Oleh sebab itu, pihak penjajah cuba memanipulasi sejarah dengan naratif bahawa perjuangan menentang penjajahan ini tidak bersifat serantau, tetapi adalah satu pemberontakan terpencil yang didasari kepentingan peribadi. Naratif mereka kelihatan menolak peranan dan semangat jihad Islam dalam menyatupadukan masyarakat Melayu (Rahimin Affandi et al., 2017).

Sebagai contoh, rekod sejarah yang dibuat oleh sarjana British cuba mencerminkan penentangan oleh tokoh pejuang seperti Dato' Bahaman adalah disebabkan oleh rasa tidak puas hati terhadap hak kutipan hasil cukai yang dinafikan oleh British dan tidak puas hati terhadap jumlah elaun yang ditawarkan kepadanya. Sedangkan menurut kajian sejarahwan tempatan, perjuangan Dato' Bahaman adalah kerana provokasi dan campurtangan oleh pihak British dalam urusan pentadbiran kawasan pembesar Melayu dan rasa marah atas ugutan yang dilakukan oleh British ke atas Sultan yang membawa kepada teretusnya tragedi Perang Semantan (Ismail, Mujani, Jalal, & Zainal Shah, 2019). Naratif yang sama juga memaparkan tentera Islam membuka Mesir kerana mahu mendapatkan harta rampasan perang. Sejarahwan kolonial nyata tidak memahami dan terlalu sombong untuk mengakui adanya faktor yang melangkau nafsu kebendaan, iaitu pegangan akidah yang dijunjung oleh semua umat Islam. Ia seolah-olah satu konsep yang asing bagi mereka (Rahimin Affandi et al, 2017).

Bagaimanapun jika dianalisis dengan teliti, dapat dilihat bahawa matlamat utama rakyat di Tanah Melayu bangkit menentang penjajahan dan menuntut kemerdekaan adalah demi membela maruah agama Islam dan bangsa Melayu. Selari dengan konsep Maqasid Daruri yang menetapkan keperluan menjaga agama adalah lebih penting walaupun terpaksa berkorban nyawa (Lukmanul Hakim, 2008). Perjuangan menentang penjajahan ini juga mendapat sokongan, motivasi dan penyertaan langsung dari para ulama dan pendakwah tempatan bagi memastikan niat, hala tuju dan matlamat perjuangan mereka menepati syarat jihad Islam (Rahimin Affandi, Muhammad Ikhlas & Nor Adina, 2017).

Malah karya penulisan, idea dan pengalaman gerakan jihad nasionalisme di negeri-negeri jiran dan serantau, seperti Aceh, Patani dan sebagainya turut digunakan bagi menaikkan motivasi perjuangan di Tanah Melayu (Mohd Noor, 2011). Pengaruh gerakan nasionalisme inilah yang membawa kepada teretusnya pemikiran Kaum Muda yang mendukung idea reformasi Islam dengan terbinanya lebih banyak maahad dan sekolah pondok sebagai alternatif untuk masyarakat yang mahukan pendidikan Islam dan memupuk kader-kader dalam gerakan Islam menentang penjajahan. Antaranya ialah Maahad al-Ihya' Asy-Syarif Gunung Semanggol, Perak yang menjadi pusat aktivis Islam utama sebelum, semasa dan selepas pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Hasil pengaruh dan sumbangan maahad-maahad ini juga membawa kepada penubuhan parti politik Islam pertama iaitu Hizbul Muslimin, yang bercita-cita mahu menubuhkan negara Islam di Malaya. Dasar parti Hizbul Muslimin yang sangat keras menentang British telah membawa kepada penangkapan ramai pemimpin utamanya oleh pihak penjajah hanya beberapa bulan selepas penubuhan parti tersebut. (Mohd Fuad, 2015). Justeru, peranan penting agama Islam dalam perjuangan menentang penjajahan di Tanah Melayu ini dapat menyangkal dakwaan dan tanggapan pihak penjajah dan sejarahwan Barat yang mendakwa bahawa perjuangan kemerdekaan di Tanah Melayu hanya atas kepentingan politik, material dan peribadi semata-mata.

11. Kesimpulan

Golongan pendakwah dan penuntut pendidikan agama Islam merupakan golongan terawal melaungkan dan memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu dari tangan penjajah. Mereka sedar, untuk bebas mengamalkan dan memelihara keutuhan agama Islam, tanpa sebarang halangan dan campur tangan politik penjajah, umat Islam di Tanah Melayu perlu mencapai kemerdekaan.

Kehebatan para pendakwah silam terbukti dalam sejarah melalui kesanggupan berjuang mempertahankan agama, bangsa dan negara dari penjajah. Perjuangan mereka adalah atas nama jihad kerana Allah, bukan kerana harta, pangkat atau nama. Akibat perjuangan dan penentangan mereka terhadap penjajah, ada di antara mereka yang ditahan, dipenjara, dibuang negeri, sehinggakan ada juga yang gugur syahid memperjuangkan kesucian Islam dan ketuanan bangsa Melayu. Bagaimanapun, berbanding dengan tokoh-tokoh arus perdana, terutamanya dari golongan bangsawan dan elit, nama para ulama dan pendakwah kurang dijulung dan didendangkan dalam sejarah pendidikan negara, sedangkan mereka juga turut sama menumpahkan darah dan keringat berjuang demi negara dan agama. Berbeza dengan negara jiran, seperti Indonesia yang mempunyai ribuan kertas kajian dan artikel mengenai para ulama mereka yang dikaji dan dibahas, terutama sekali peranan pendakwah Indonesia dalam gerakan nasionalisme menentang Belanda. Pasti terdapat banyak lagi tokoh-tokoh pendakwah yang pernah aktif dalam perjuangan kemerdekaan Malaysia yang masih belum dikaji untuk diketengahkan oleh pakar sejarah dan ahli akademik.

Rujukan

- Ab Rahim, A., & Nor, M. R. M. (2020a). Institusi Pengajian Pondok di Selangor: Kajian terhadap Sejarah dan Perkembangan: Institusi Pengajian Pondok di Selangor: Kajian terhadap Sejarah dan Perkembangan. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 7(2), 1-12. Dicapai daripada <https://borneojournal.um.edu.my/index.php/RIS/article/view/27350>.
- Ab Rahim, A., & Nor, M. R. M. (2020b). Sumbangan Ulamak berketurunan Jawa di Selangor dalam Perkembangan Islam Sebelum Merdeka: The contributions of Javanese scholars (Ulamak) in Selangor towards Islamic Expansion before Independence. *Online Journal of Research in Islamic Studies*, 7(3), 31-39. Dicapai daripada <https://jice.um.edu.my/index.php/RIS/article/view/27416>.
- Abd. Majid, M. (2016). Mendepani Cabaran Dunia Moden: Menyorot Strategi Ulama. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 1(1), 54-64. Dicapai daripada <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/35>.
- Abdul Hamid, A. F. (2013). Seruan Kebangkitan Islam dalam Majalah Pengasuh oleh Tok Kenali dan Za'ba. *Jurnal Usuluddin*, 37(3), 57-82. Dicapai daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/7461>.
- Ahmad Shukri, G. (2008). *Riwayat Hidup Hiyai Hj Muhammad Dahlan bin Hassan Minhaj Qadhi, Imam dan Syekh Tariqah. Tokoh-tokoh Ulamak Selangor*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Aladin, M. & Azrina, J. (2019). Peranan Ulama Dalam Mempertahankan Tanah Melayu Ketika Zaman Penjajahan. *Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 ke-3*, Selangor, pp. 149.
- Amin, S. (2016). Studi Pendudukan Aceh Dalam De Atjehers, *Mozaic Islam Nusantara*, 2(2), 43-64. <https://doi.org/10.47776/mozaic.v2i2.83>.
- Badhrulhisham, A., & Isa, M. F. M. (2017). Islamisasi Negara Malaysia dalam Konteks Gagasan Islamisasi Ilmu Syed Muhammad Naquib Al-'Attas: satu tinjauan. *Jurnal Ulwan*, 2(1), 189-203. Dicapai daripada <http://www.kuim.edu.my/journal/index.php/JULWAN/article/view/186>.
- Budin, A., & Omar, M. N. (2018). Sumbangan Mualim Haji Wahid dalam bidang dakwah di Melaka. *Jurnal Maw'izah*, 1(1), 137-153. Dicapai daripada <https://kuim.edu.my/journal/index.php/JMAW/article/view/232>.
- Che Pa, B. (2012). Institusi raja dan peranannya terhadap penyebaran Islam di Alam Melayu Nusantara. Dlm. *Membongkar Rahsia Pendidikan Islam*. Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Brunei. Dicapai daripada <https://melayu.library.uitm.edu.my/2291/>.
- Fadhullullah, J. (2003). *Hj. Abdullah Fahim: Tokoh Agama Dari Pulau Pinang* (Tesis Doktor Falsafah tidak diterbitkan). The Australian National University, Australia.
- Haji Awang, C. O. (1996). *The methodology of teaching in Islam: with special reference to the traditional educational methods in Malaysia* (Unpublished Doctoral dissertation), University of Edinburgh, UK. Dicapai daripada <https://ethos.bl.uk/OrderDetails.do?uin=uk.bl.ethos.735334>.



- Hamdan Aziz, T. J. (2016). *Ulama dan pahlawan Melayu*. Dicapai daripada <https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/61/2016/08/184578/tok-janggut-ulama-dan-pahlawan-melayu>.
- Hamimi, K. A. B., & Zamri, A. Z. B. (2018). Ustaz Abu Bakar Al-Baqir: ulama dan pejuang kemerdekaan Tanah Melayu. *MANU: Jurnal Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)*, 27, 121-127. <https://doi.org/10.51200/manu.v0i0.1314>.
- Hussin, H. (2020). Orang Melayu Kelantan dari sudut budaya dan perspektif sejarah lampau. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategic Studies*, 31, 15-38. Dicapai daripada <https://ejournal.ukm.my/jebat/article/view/42319/0>.
- Ismail, A. S., Mujani, W. K., Jalal, B., & Zainal Shah, N. (2019). Analysis of Dato' Bahaman's battle strategies in the Pahang uprising 1891-1895. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 10(1). Dicapai daripada https://iaeme.com/MasterAdmin/Journal_uploads/IJCIET/VOLUME_10_ISSUE_1/IJCIET_10_01_033.pdf.
- Jabatan Kehakiman Syariah Selangor. (2019). *Latar Belakang Sejarah Penubuhan*. Dicapai daripada <https://www.jakess.gov.my/index.php/ms/info-jabatan/maklumat-korporat/latar-belakang>.
- Juhari, A. (2008). The origin and spread of the Jawi script. *Sub-Regional Symposium on the Incorporation of the Languages of Asian Muslim Peoples into the Standardized Quranic Script*, UIAM, Kuala Lumpur. Dicapai daripada https://zuhalizankhodir.files.wordpress.com/2012/06/amat_johari-jawi.pdf.
- Lukmanul Hakim, D. (2008). *Jihad in two faces of Shari'ah: Sufism and Islamic Jurisprudence (FIQH) and the revival of Islamic movements in the Malay World* (Tesis Sarjana Muda tidak diterbitkan). The Australian National University, Australia).
- Mat Resad, I. S. (2020). Kebangkitan penduduk Hulu Terengganu (1919-1928) menentang British kerana Ajaran Haji Abdul Rahman Limbung dan Haji Musa Abdul Ghani Minangkabau. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 3(2), 150-160. Dicapai daripada <https://bitarajournal.com/index.php/bitarajournal/article/view/127>.
- Mohd Ali, M. D. (2018). *Kenang Jasa Ulama dalam Perjuangan Kemerdekaan*. Dicapai daripada <http://www.bharian.com.my/kolumnis/2018/461337/kenang-jasa-ulama-dalam-perjuangan-kemerdekaan>.
- Mohd Fadhli, G. (2020). Peristiwa Jeram Ampai 1894: Kebangkitan jihad. *HARAKAHDAILY*, 17 Januari 2020. Dicapai daripada <https://harakahdaily.net/index.php/2020/01/17/peristiwa-jeram-ampai-1894-kebangkitan-jihad/>.
- Mohd Faisal, M. & Sapie, S. (2011). Syeikh Muhammad Nor al-Kholidi: sumbangannya terhadap pengukuhan tasawuf dan kerohanian dalam pembangunan serta kemajuan Negeri Selangor. Dlm. *Tokoh-tokoh Ulama Selangor*. Selangor: KUIS.
- Mohd Fuad, S. (2015). *Liku-liku gerakan Islam di Malaysia: satu catatan awal*. Unisel, Selangor: Imtiyaz Multimedia and Publications.
- Mohd Noor, A. I. (2011). Perkembangan Pensejarahan Islam Di Alam Melayu. *Jurnal Al-Tamaddun*, 6(1), 29-50. Dicapai daripada <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JAT/article/view/8544>.
- Mohd Roslan, M. N., Mohamad Fauzi, Z. & Noorzahidah, M. Z. (2011). Keterlibatan ulama' dalam perjuangan kemerdekaan di Terengganu. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara (NUN) IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Moktar, P. (1997). *Sheikh Abdullah Fahim: Penentu Tarikh Kemerdekaan Negara 31 Ogos, '57*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Muhd. Tahir, A. (1978). *Sejarah Perkembangan dan Perjuangan UMNO Seberang Perai di antara tahun 1946 - 1964: Dengan Tumpuan Khas kepada UMNO Seberang Perai Utara, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia*. Dicapai daripada http://eprints.usm.my/31310/1/Tokoh_Agama_DariPulau_Pinang.pdf.
- Rahimin Affandi, A. R., Muhammad Ikhlas, R. & Nor Adina, A. K. (2017). *Dimensi jihad dalam perjuangan menentang penjajah di Pahang*. Dicapai daripada https://www.researchgate.net/profile/Rahimin_Abd_Rahim/publication/309287138_DIMENSI_JIHAD_DALAM_PERJUANGAN_MENENTANG_PENJAJAH_DI_PAHANG/9.
- Shuib, M. A. (1991). Tuan Haji Abdullah Fahim: latarbelakang kehidupan, pendidikan dan sumbangan kepada dakwah dan kesedaran ummah. *Seminar Tokoh Ulama' Ke 2 sempena Sambutan 20 tahun ABIM*. Pulau Pinang, Malaysia.
- Sohana, A. H. (2019). Syeikh Abdullah Fahim: seorang ulamak yang dinamis. *Persidangan Antarabangsa Tokoh Ulama Melayu Nusantara 2019 ke-3*. Shah Alam, Selangor.



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>
Vol. 6, No. 1, (June, 2021)

Yegar, M. (2002). *Between integration and secession: the Muslim communities of the southern Philippines, Southern Thailand, and western Burma/Myanmar*. Lanham, Maryland USA: Lexington Books.